

22 FEBRUARI 2018

## Jerat gadis berpelesiran

2 setempat 22-02-2018 >>Kebanyakan gadis yang **dikurung** adalah mereka yang lari dari rumah atau suka merayau

Syazwan Msar news@nstp.com.my

### Jerat gadis berpelesiran

■ **Sindiket kurung mangsa di hotel, paksa hisap syabu untuk dijual jadi pelacur**

**S**asaran mereka adalah gadis bermasalah termasuk yang lari dari rumah dan suka berpelesiran sebelum mangsa dipaksa menghisap syabu sehingga tidak sedarkan diri serta akan 'dijual' untuk dijadikan pelacur.

Itu kegiatan beberapa lelaki berusia 20-an dan gadis yang diperangkap mereka dikurung di sebuah hotel di Jalan Raja Laut, di sini yang turut menjadi port aktiviti pelacuran.

Kegiatan sindiket itu terbongkar apabila seorang daripada mangsa berusia 13 tahun membuat laporan polis selepas melarikan diri daripada kurungan di hotel itu.

Menurut sumber polis, mangsa ke hotel berkenaan bagi mencari seorang rakan yang hilang dipercayai melarikan diri dari rumah.

"Mangsa mendapat panggilan daripada rakan-nya itu bahawa dia bersembunyi di hotel berkenaan namun hakikatnya dia dikurung individu tidak dikenali.

"Sebaik tiba di hotel itu, mangsa ditahan seorang lelaki yang mendakwa rakan-nya ada berhutang sebelum meminta gadis itu menunggu di sebuah bilik di hotel," katanya.

Menurutnya, di dalam bilik berkenaan, mangsa terkejut apabila mendapati sekurang-kurangnya 12 gadis betasan tahun dikawal ketat dua lelaki bagi mengelakkan mereka melarikan diri.

"Mangsa dipaksa mengikut seorang lelaki dengan menaiki motosikal ke sebuah hotel lain di kawasan berkenaan sebelum terus memasuki bilik.

"Mangsa dipaksa menghisap syabu sehingga tidak sedarkan diri dan beberapa jam kemudian dia menyedari sudah tidak berpaksaan," katanya.

Sumber berkata, derita mangsa berterusan apabila dipaksa sekali lagi menghisap syabu sehingga tidak sedarkan diri sebelum dirogol lelaki lain yang dipercayai membayar kepada kumpulan suspek untuk mendapatkan khidmat seks.

"Sebaik mangsa selesai 'melayan' lelaki terabit, dia dibawa ke hotel tempat dia dikurung bersama gadis lain sebagai persediaan jika mendapat tempahan untuk perkhidmatan seks.

"Penderitaan dan ketakutan dialami mangsa berakhir selepas beberapa jam dia dikurung di bilik hotel berkenaan apabila beberapa individu dipercayai kenalan antara gadis yang dikurung merempuh pintu sebelum menyalamatkan mereka," katanya.

Berikutan kejadian itu, mangsa bersama beberapa gadis yang dikurung membuat laporan di Balai Polis Jalan Bandar, di sini.

"Mengikut maklumat awal, kebanyakan gadis yang dikurung adalah mereka yang melarikan diri dari rumah atau suka merayau di sekitar bandar raya ini sebelum diperdaya kumpulan berkenaan.

Sementara itu, Ketua Polis Daerah Dang Wangi, Asisten Komisioner Shaharudin Abdullah mengesahkan laporan berkenaan dan kes dirujuk kepada Jabatan Siasatan Jenayah, Ibu Pejabat Polis Kontinjen Kuala Lumpur untuk tindakan lanjut.

